

(d) adding two new subparagraphs (1) (x) and (1) (xi) as follows:

"(x) the Faculty of Food Science and Technology; and
(xi) such other Faculties, Institutions or Centres as may from time to time be established by Statute."

Made the 19th May 1983.

[UPM/P/2.02; PN. (PU²) 75E Pt. II.]

TENGKU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI ALMARHUM

SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH ALHAJ,

Chancellor,

Universiti Pertanian Malaysia

(To be laid on the table at the next meeting of the Court pursuant to section 26 (4) of the Constitution of the Universiti Pertanian Malaysia—P.U. (A) 409/76.)

P.U. (A) 249.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (SENAT) 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia, Canselor Universiti Pertanian Malaysia membuat, mengikut peruntukan-peruntukan seksyen tersebut, statut yang berikut:

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Pertanian Nama. Malaysia (Senat) 1983.
2. (1) Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki Tafsiran makna yang lain—

“Bahagian” ertiannya sesuatu Bahagian atau Jabatan yang pada masa itu diletakkan di bawah bidang kuasa pentadbiran sesuatu Fakulti, tetapi mengendalikan program akademik yang berasingan yang menuju kepada sesuatu ijazah atau diploma;

“Dekan” ertiannya Dekan atau ketua sesuatu Fakulti dan termasuklah Dekan Pengajian Siswazah;

“Dekan Pengajian Siswazah” ertiannya seorang kakitangan Universiti yang dinamakan oleh Naib Canselor sebagai Dekan Pengajian Siswazah;

“Fakulti” termasuklah Pusat atau Yayasan yang diberi taraf Fakulti oleh Statut;

“Pengarah Kampus” ertiannya seorang kakitangan Universiti yang dinamakan oleh Naib Canselor sebagai Pengarah Kampus Universiti di Sarawak, dan “Timbalan Pengarah Kampus” ertiannya seorang kakitangan Universiti yang dinamakan sedemikian oleh Naib Canselor;

“Penyelaras Bahagian” ertiannya seorang kakitangan Universiti yang dinamakan oleh Naib Canselor sebagai penyelaras atau ketua bagi sesuatu Bahagian;

“Timbalan Pengarah Ladang” ertiannya seorang kakitangan Universiti yang dinamakan oleh Naib Canselor sebagai Timbalan Pengarah Ladang.

P.U. (A)
409/76.

(2) Rujukan dalam Statut ini kepada sesuatu seksyen adalah rujukan kepada seksyen itu dalam Perlembagaan Universiti Pertanian Malaysia.

Keanggotaan.

3. (1) Senat hendaklah terdiri daripada—
 - (a) Naib Canselor yang akan menjadi Pengurus;
 - (b) Timbalan-Timbalan Naib Canselor;
 - (c) Profesor-Profesor Universiti kecuali Profesor-Profesor Pelawat;
 - (d) Dekan-Dekan dan Timbalan-Timbalan Dekan;
 - (e) Pengarah Ladang dan Timbalan Pengarah Ladang Universiti;
 - (f) Pengarah Kampus dan Timbalan Pengarah Kampus;
 - (g) Ketua Pustakawan Universiti;
 - (h) Penyelaras-Penyelaras Bahagian;
 - (i) seorang yang dipilih oleh tiap-tiap satu Fakulti dari antara anggota-anggotanya sendiri; dan
 - (j) mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh Statut supaya menjadi anggota *ex officio* Senat.

(2) Pendaftar Universiti atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(3) Tertakluk kepada Perlembagaan Universiti dan Statut ini, anggota-anggota di bawah subperenggan (1) (i) hendaklah memegang jawatan bagi tempoh dua tahun. Seseorang anggota yang berhenti apabila habis tempohnya itu adalah layak dipilih semula.

(4) Seseorang anggota di bawah subperenggan (1) (i) akan terhenti daripada menjadi anggota sedemikian apabila dia dilantik atau dinaikkan pangkat ke sesuatu jawatan yang memberinya hak menjadi anggota *ex officio* Senat:

Dengan syarat bahawa anggota itu tidaklah terhenti daripada menjadi anggota semata-mata kerana dia memangku mana-mana jawatan sedemikian.

(5) Seseorang anggota di bawah subperenggan (1) (i), boleh berhenti menjadi anggota dengan memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha Senat.

(6) Sekiranya berlaku kekosongan dalam keanggotaan Senat di bawah subperenggan (1) (i), kekosongan itu hendaklah dipenuhi dengan seberapa segera yang boleh, dan seseorang yang telah dipilih untuk memenuhi kekosongan tersebut akan menjadi anggota sehingga tamat tempoh keanggotaan anggota yang digantinya itu.

Mesyuarat.

4. (1) Naib Canselor hendaklah menentukan tarikh, tempat dan agenda mesyuarat Senat dan mesyuarat itu hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Senat.

(2) Sekiranya Naib Canselor tidak dapat hadir pada sesuatu mesyuarat Senat, dia boleh memberi kuasa kepada seorang Timbalan Naib Canselor atau, sekiranya kesemua Timbalan Naib Canselor tidak hadir, seorang Dekan, untuk mempengarusikan mesyuarat itu atau sebahagian daripada mesyuarat itu.

(3) Kuorum untuk mesyuarat Senat ialah satu pertiga daripada jumlah keanggotaan Senat.

(4) Pendaftar Universiti dan Bendahari Universiti boleh turut hadir dalam mesyuarat Senat.

5. Tanpa mengurangkan keluasan makna seksyen 17 (2) atau ~~Kuasa-kuasa~~ seksyen lain yang memberi kuasa kepada Senat, Senat adalah mempunyai kuasa—

- (a) menimbangkan cadangan-cadangan bagi Statut baru atau pindaan kepada Statut yang termasuk di bawah seksyen 26 (3);
- (b) menimbangkan cadangan-cadangan bagi Akta baru atau pindaan kepada Akta yang termasuk di bawah seksyen 28 (2);
- (c) tertakluk kepada Akta, membuat Peraturan-Peraturan bagi pelaksanaan Akta mengenai program-program pengajian;
- (d) mengawalselia penerimaan masuk calon-calon ke program pengajian dan peperiksaan Universiti;
- (e) mengesyorkan perlantikan Profesor-Profesor Pelawat untuk pertimbangan Majlis;
- (f) melantik penilai dan pemeriksa luar dan dalam;
- (g) mengeluarkan arahan-arahan kepada pemeriksa dan Lembaga Pemeriksa;
- (h) mengesahkan keputusan peperiksaan Universiti dan menganugerahkan ijazah, diploma, sijil dan tanda kepujian yang lain menurut Statut, Akta dan Peraturan-Peraturan;
- (i) menganugerahkan fellowship, biasiswa, hadiah atau pingat;
- (j) membuat perakuan kepada Majlis mengenai penubuhan, perubahan, penggantungan atau penghapusan jawatan pengajar dan mengenai kelayakan guru-guru;
- (k) memberi arahan am mengenai pengajaran dan penyelidikan di Fakulti-fakulti;
- (l) mengawalselia penggunaan bangunan dan kemudahan-kemudahan Universiti untuk pengajaran dan penyelidikan;
- (m) memberi arahan am mengenai perpustakaan, muzium, balai seni dan kemudahan lain Universiti bagi pengajaran dan penyelidikan;
- (n) membuat perakuan kepada Majlis mengenai semua perkara yang tidak ditugaskan secara khusus kepada mana-mana pihak berkuasa lain daripada Senat dan Majlis.

6. Tertakluk kepada seksyen 51, Senat boleh mewakilkan ~~Kuasa~~ mana-mana kuasa atau kewajipan yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan Universiti, Statut, Akta atau Peraturan-Peraturan kepada anggotanya atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada anggota-anggotanya.

Pemansuhan.
P.U. (B)
505/77.

7. Statut Universiti Pertanian Malaysia (Keanggotaan dan Kuasa-kuasa Senat) 1977 adalah dimansuhkan.

Diperbuat pada 19hb Mei 1983.
[UPM/P/2.02; PN. (PU²) 75B Pt. II.]

TENGKU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH ALHAJ,
Canselor,
Universiti Pertanian Malaysia

(Akan dibentangkan dalam mesyuarat Jumaah yang berikutan
menurut seksyen 26 (4) Perlembagaan Universiti Pertanian
Malaysia—P.U. (A) 409/76.)

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
CONSTITUTION OF THE UNIVERSITY AGRICULTURE
MALAYSIA

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA (SENATE) STATUTE 1983

P.U. (A)
409/76.

IN exercise of the powers conferred by section 26 of the Constitution of the University Agriculture Malaysia, the Chancellor of the Universiti Pertanian Malaysia makes, in accordance with the provisions of the said section the following statute:

Citation.

1. This Statute may be cited as the Universiti Pertanian Malaysia (Senate) Statute 1983.

Interpretation

2. (1) In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Campus Director” means a member of the University staff designated by the Vice-Chancellor as the Director for the University Campus in Sarawak, and “Deputy Campus Director” means a member of the University staff so designated by the Vice-Chancellor;

“Dean” means the Dean or the head of a Faculty and includes the Dean of Graduate Studies;

“Dean of Graduate Studies” means a member of the University staff designated by the Vice-Chancellor as the Dean of Graduate Studies;

“Deputy Farm Director” means a member of the University staff designated by the Vice-Chancellor as the Deputy Farm Director;

“Division” means a Division or Department which is for the time being placed under the administrative jurisdiction of a Faculty but organises a separate academic programme leading to a degree or diploma;

“Division Coordinator” means a member of the University staff designated by the Vice-Chancellor as the coordinator or head of a Division;

“Faculty” includes a Centre or Institution which has been conferred the status of a Faculty by Statute.

(2) References in this Statute to a section are references to that section of the Constitution of the University Agriculture Malaysia. ^{P.U. (A) 409/76.}

3. (1) The Senate shall consist of—

Composition.

- (a) the Vice-Chancellor who shall be Chairman;
- (b) the Deputy Vice-Chancellors;
- (c) the University Professors other than Visiting Professors;
- (d) the Deans and Deputy Deans;
- (e) the University Farm Director and Deputy Farm Director;
- (f) the Campus Director and Deputy Campus Director;
- (g) the University Chief Librarian;
- (h) the Division Coordinators;
- (i) one person elected by each Faculty from among its own members; and
- (j) such other persons as may be prescribed by Statute to be *ex officio* members of the Senate.

(2) The University Registrar or his representative shall be the Secretary of the Senate.

(3) Subject to the Constitution of the University and this Statute, members under subparagraph (1) (i) shall hold office for a term of two years. A member who retires at the end of his term shall be eligible for reelection.

(4) A member under subparagraph (1) (i) shall cease to be such a member on his appointment or promotion to an office which entitles him to be an *ex officio* member of the Senate:

Provided that the member shall not cease to be a member solely by virtue of his acting in such an office.

(5) A member under subparagraph (1) (i) may resign as a member by giving notice in writing to the Secretary of the Senate.

(6) If a vacancy occurs in the membership of the Senate under subparagraph (1) (i), such vacancy shall be filled as soon as possible, and the person elected to fill the vacancy shall remain a member until the end of the term of the member whom he has replaced.

4. (1) The Vice-Chancellor shall determine the dates, venues and ^{Meetings.} agenda of meetings of the Senate, and the meetings shall be convened by the Secretary of the Senate.

(2) If the Vice-Chancellor is unable to attend a meeting of the Senate, he may authorise a Deputy Vice-Chancellor or, in the absence of all the Deputy Vice-Chancellors, a Dean to preside at the meeting or part of the meeting.

(3) The quorum for the meetings of the Senate shall be one-third of the total membership of the Senate.

(4) The University Registrar and the University Bursar may attend the meetings of the Senate.

Powers.

5. Without derogating from the generality of section 17(2) or other sections which confer powers on the Senate, the Senate shall have power—

- (a) to consider proposals for new Statutes or amendments to Statutes included under section 26 (3);
- (b) to consider proposals for new Acts or amendments to Acts included under section 28 (2);
- (c) subject to Acts, to make Regulations for the implementation of Acts relating to programmes of study;
- (d) to regulate the admission of candidates to programmes of study and to University examinations;
- (e) to recommend the appointment of Visiting Professors for the consideration of the Council;
- (f) to appoint internal and external assessors and examiners;
- (g) to issue instructions to examiners and Boards of Examiners;
- (h) to confirm University examination results and award degrees, diplomas, certificates and other marks of distinction in accordance with Statutes, Acts and Regulations;
- (i) to award fellowships, scholarships, prizes or medals;
- (j) to make recommendations to the Council on the institution, alteration, suspension or suppression of teaching posts and on the qualifications of teachers;
- (k) to provide the general direction of teaching and research in the Faculties;
- (l) to regulate the use of University buildings and facilities for teaching and research;
- (m) to provide the general direction of the libraries, museums, art galleries and other teaching and research facilities of the University;
- (n) to make recommendations to the Council on all matters not specifically assigned to some authority other than the Senate and the Council.

Powers to delegate.

6. Subject to section 51, the Senate may delegate any power or duty which has been given to it by the Constitution of the University, Statutes, Acts or Regulations to its members or a committee consisting of its members.

**Repeal.
P.U. (B)
505/77.**

7. The Universiti Pertanian Malaysia (Composition and Powers of the Senate) Statute 1977 is repealed.

Made the 19th May 1983.
[UPM/P/2.02; PN. (PU²) 75B Pt. II.]

TENGKU SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HISAMUDDIN 'ALAM SHAH ALHAJ,
Chancellor,
Universiti Pertanian Malaysia

(To be laid on the table at the next meeting of the Court pursuant to section 26 (4) of the Constitution of the Universiti Pertanian Malaysia—P.U. (A) 409/76.)